

DASAR KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) komited untuk mewujudkan suasana kerja dan pembelajaran yang selamat, sihat dan melindungi alam sekitar melalui budaya kerja yang sistematik oleh setiap staf, pelajar, kontraktor dan pelawat.

Bagi menjayakan Dasar ini, UniMAP akan memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan setakat yang praktik:

1.0 Universiti komited sepenuhnya setakat yang praktik bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua staf, pelajar, pelawat dan kontraktor serta pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam aktiviti Universiti.

2.0 Dasar ini terpakai dalam semua aktiviti Universiti termasuklah pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, pengkomersilan dan aktiviti pengurusan.

3.0 Universiti menyediakan dan melaksanakan proses penambahbaikan secara berterusan untuk memastikan persekitaran Universiti selamat dan sihat melalui:

3.1 Memastikan sumber yang cukup untuk keperluan pengurusan KKP bagi mencegah kejadian yang boleh mengakibatkan kecederaan dan penyakit pekerjaan;

3.2 Melaksanakan dan menambah baik sistem pengurusan KKP secara berterusan, serta memastikan keperluan undang-undang seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 serta akta-akta lain yang berkaitan dipatuhi;

3.3 Memastikan semua hazard yang wujud dari aktiviti yang dilakukan di tempat kerja dinilai, dilakukan mitigasi dan dikawal bagi mengurangkan risiko dan mencegah kejadian kemalangan yang terhasil daripada aktiviti tersebut;

3.4 Mengintegrasikan pengurusan KKP ke dalam objektif strategik dan proses perancangan Universiti bagi memastikan kesinambungan KKP tidak dikompromi;

3.5 Bekerjasama dan berunding dengan staf, pelajar, pelawat dan kontraktor serta pihak yang berkepentingan tentang keputusan dalam setiap aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan mereka. Ini akan dicapai melalui JKK, proses pengurusan hazard & insiden dan penglibatan dengan wakil KKP PTj;

3.6 Melengkapkan semua staf, pelajar dengan maklumat, latihan dan sumber untuk memudahkan mereka mengurus risiko dan membudayakan KKP dengan mengintegrasikannya dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta aktiviti pengurusan.



Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis